



SEDAP ... Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor bersama Prof Dr Khairuddin Abdul Hamid mengupas buah durian semasa Majlis Ramah-Tamah Aidilfitri UNIMAS 2009, di Samarahan, semalam.

Unimas perketat pengambilan PhD

Khamis 15/10/09

MARINA.H.

KOTA SAMARAHAN, Rabu – Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) tidak akan berkompromi dengan pembelian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) kerana Unimas menekankan kualiti ter-sembunyi.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Khairuddin Abdul Hamid berkata oleh itu, setiap permohonan individu untuk meneruskan pengajian ke peringkat PhD di universiti itu akan ditekankan dalam setiap aspek yang telah disyaratkan.

Menurutnya, antara kelayakan pemohon di dalam bidang yang dipohon akan dikenal pasti dan mereka perlu menghantar kertas cadangan untuk dikaji oleh jawatankuasa dilantik.

"Jawatankuasa akan menilai status permohonan itu dan hanya yang layak sahaja akan didaftarkan untuk meneruskan pengajian peringkat PhD," katanya kepada pemberita

selepas menghadiri Majlis Ramah Tamah Aidilfitri UNIMAS 2009, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai ketegasan UNIMAS berhubung peringatan dari Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim bahawa kegiatan membeli gelaran sosial dan Phd ekspres, semakin serius dan jika tidak ditangani, akan melahirkan satu generasi 'ilmuwan palsu'.

Dr Khairuddin berkata tempoh menuntut PhD di Unimas untuk sepenuh masa ialah tiga tahun manakala bagi separuh masa lima hingga tujuh tahun.

Dalam ucapannya sebelum itu, Khairuddin berbangga dengan pencapaian kakitangan UNIMAS dalam pelbagai pertandingan di peringkat negara mahupun antarabangsa.

■ SILA LIHAT MUKA 2

Unimas perketat pengambilan PhD

DARI MUKA 1

Menurutnya, bulan lalu, salah seorang kakitangan UNIMAS, Norhayati dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif berjaya memenangi satu pingat emas di peringkat Anugerah Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa 2009, di Kuala Lumpur.

Beliau menambah, Norhayati memenangi pingat itu bagi ciptaan fesyennya iaitu pakaian jaket yang boleh diubah sebagai khemah, mengalahkan 500 penyertaan lain dalam ekspo yang sama.

"Kita bukan universiti penyelidikan tetapi kita telah membuktikan bahawa Unimas juga mampu menandingi pesaing lain dalam bidang ciptaan," katanya.

Khairuddin berkata, dalam ekspo sama, Unimas turut membawa pulang satu lagi pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Dr Khairuddin berkata, Unimas turut bangga dengan pemilihan Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor antara sepuluh tokoh kemerdekaan pada malam, baru-baru ini.

Mengenai majlis itu, Khairuddin berkata, ia untuk mengeratkan hubungan di kalangan lebih 2,000 kakitangan Unimas.